

Sikap patriotik rakyat pacu Korea Selatan keluar dari kemelesetan

UM 1 1 OCT 2002

KUALA LUMPUR 10 Okt. — Sikap rakyat Korea Selatan yang amat patriotik dan nasionalistik telah membolehkan mereka keluar daripada kemelesetan walaupun negara itu menerima dasar Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi menangani kegawatan ekonomi 1997.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat negara itu bekerja dengan rajin, berdisiplin dan sanggup berkorban apa sahaja bagi memastikan Korea Selatan dapat meneruskan kelangsungan hidup.

“Mereka amat mengambil berat kebajikan negara mereka, mereka mahu melindungi Korea dan kekal sebagai orang Korea.

“Sebab itu mereka bekerja amat keras, mereka mahu Korea terus hidup dan ia membantu negara itu keluar dari kemelesetan dengan cepat,” katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian pada sesi dialog sempena persidangan Mencontohi Korea Selatan - Mengekalkan Pertumbuhan Dalam Persekitaran Yang Dinamik di Pusat Konvensyen Sunway di sini hari ini.

Persidangan sehari itu dianjurkan bersama oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Ita dianjurkan bagi membolehkan ahli perniagaan dan birokrat negara ini mencontohi dasar-dasar Korea yang diiktiraf sebagai negara yang paling cepat pulih daripada krisis kewangan 1997/1998.

Negara itu mencatat pengecutan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 6.7 peratus pada tahun 1998, tetapi kemudiannya melonjak ke 10.9 peratus dan 8.8 peratus pada tahun 1999 dan 2000.

Korea Selatan juga berjaya membayar semula pinjaman sebanyak AS\$50 bilion (RM190 bilion) kepada IMF.

Pada majlis yang sama, Perdana Menteri turut melancarkan buku *Menulis Semula Peraturan - Model Pengurusan Krisis Malaysia* yang ditulis oleh ahli kerja MTEN, Profesor Dr. Mahani Zainal Abidin.

Perdana Menteri berkata, pengorbanan rakyat Korea Selatan terhadap negara mereka tidak berbelah bahagi dengan seba-

gian besar daripada wanita negara itu mendermakan barangan kemas masing-masing semata-mata bagi membolehkan negara membayar hutang.

“Para pekerja Korea juga melancarkan piket, bukannya kerana benda lain tetapi tidak bersetuju syarikat-syarikat mereka jatuh ke tangan asing,” kata Perdana Menteri.

Sementara itu, Dr. Mahathir dalam ucap tamanya berkata, Malaysia perlu membina ekonomi tempatan yang berdaya tahan melalui tumpuan ke atas pendidikan, teknologi dan integrasi global yang strategik bagi mencapai status negara maju seperti Korea.

Beliau berkata, Korea Selatan berjaya meningkatkan keupayaan teknologinya melalui pendidikan dan latihan mahir yang diperkukuhkan dengan disiplin.

“Orang Korea meletakkan martabat yang tinggi kepada pendidikan serta percaya ia adalah kunci kejayaan... (sebab itu) negara tersebut memiliki bilangan doktor falsafah per kapita paling tinggi di dunia,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sebagai sebuah negara yang berintegrasi dengan ekonomi global boleh mencontohi kejayaan Korea menembusi pasaran dunia.

“Korea adalah negara dagangan yang kelapan terbesar, memiliki industri keluli terbesar dunia, mempunyai jenama global seperti LG dan Samsung selain merupakar pengeluar automotif kelima terbesar,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, Korea Selatan menunjukkan bahawa modal manusia merupakan kunci kepada masa depan dan rakyat Malaysia perlu menggunakan keupayaan dalam pendidikan.

“Pendidikan dalam era teknologi komunikasi dan maklumat akan menjadi berbeza kerana ia akan berubah daripada berasaskan buku kepada berasaskan Internet.

“Sains dan Matematik merupakan intipati utama perubahan teknologi jadi ia perlu diberikan keutamaan,” katanya.

Malaysia mengorak langkah lebih jauh dengan melaksanakan pengajaran kedua-dua mata pelajaran dalam bahasa Inggeris kerana pembelajaran melalui Internet memerlukan penguasaan bahasa tersebut, katanya.